



Singapore Examinations and Assessment Board

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education
Normal (Technical) Level (2023)**

**Basic Malay
Bahasa Melayu Asas
(Syllabus 1203)**

KANDUNGAN

	<i>Halaman</i>
OBJEKTIF PENILAIAN	3
HASIL PEMBELAJARAN	3
FORMAT PEPERIKSAAN	4
JADUAL PENGKHUSUSAN	5
RUBRIK PEMARKAHAN	7

1 OBJEKTIF PENILAIAN

Peperiksaan Bahasa Melayu Asas bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar dan memahami pelbagai jenis teks lisan, mengingat butir-butir, mengenal pasti idea penting dan idea yang tersirat dalam teks yang didengar;
- (b) membaca teks secara lantang dengan lancar, dan dengan menggunakan sebutan baku yang betul, pengucapan yang jelas, intonasi dan tekanan suara yang sesuai;
- (c) bertutur dengan fasih dan jelas dalam situasi sehari-hari dan memberikan respons yang sesuai secara lisan terhadap pelbagai rangsangan (misalnya, gambar atau topik) dalam bahasa Melayu baku;
- (d) membaca dan memahami pelbagai jenis teks dan memberikan respons terhadap teks seperti:
 - mengenal pasti
 - maklumat yang diperlukan
 - idea utama
 - sebab/penjelasan untuk menyokong sesuatu respons atau pendapat
 - makna perkataan mengikut konteks
 - memberikan penerangan
 - membuat inferens/kesimpulan yang mudah mengenai makna yang tersirat;
- (e) mengaplikasikan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa dalam konteks yang sesuai; dan
- (f) memberikan respons ringkas secara bertulis; sesuai dengan tujuan, khalayak dan situasi.

2 HASIL PEMBELAJARAN

- (a) mendengar, memahami dan menghayati pelbagai jenis teks untuk menjalankan tindak balas berdasarkan pelbagai konteks, tujuan, khalayak dan situasi secara lisan atau bukan lisan;
- (b) bertutur dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks dengan menggunakan sebutan baku dan boleh berinteraksi sosial terutamanya tentang hal-hal serantau dan dunia dengan bertatasusila;
- (c) membaca pelbagai jenis teks dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan penghayatan dan memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak; dan
- (d) menulis pelbagai jenis teks secara berkesan, dengan menggunakan bahasa yang betul untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

3 **FORMAT PEPERIKSAAN**

Format peperiksaan bagi Bahasa Melayu Asas Peringkat Normal Teknikal terbahagi kepada:

- Kertas 1: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman
- Kertas 2: Lisan
- Kertas 3: Kefahaman Mendengar

Kertas 1: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman – 30 markah (30%)

Kertas 1 terbahagi kepada Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 50 minit.

(a) Bahagian A: Ujian Kloz (10 markah)

Terdapat lima soalan bahasa yang berbentuk aneka pilihan dalam bahagian ini. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan dua teks pendek. Teks yang digunakan adalah berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, rencana daripada surat khabar, Internet dan lain-lain lagi.

(b) Bahagian B: Kefahaman (20 markah)

Bahagian ini terbahagi kepada Kefahaman 1 dan Kefahaman 2. Kefahaman 1 merangkumi dua teks pendek berserta 5 item MCQ. Kefahaman 2 pula terdiri daripada 1 teks yang mempunyai 2 item MCQ dan 2 item respons bebas. Teks- teks yang digunakan adalah berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, brosur, poster, risalah, menu dan lain-lain lagi.

Kertas 2: Lisan – 50 markah (50%)

Kertas 2 terbahagi kepada Bahagian A dan Bahagian B. Masa yang diperuntukkan ialah 15 minit.

(a) Bahagian A: Bacaan Lantang (20 markah)

Calon dikehendaki membaca petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.

(b) Bahagian B: Perbualan (30 markah)

Calon dikehendaki menonton video pendek (55-60 saat) dan berbual dengan pemeriksa lisan berdasarkan tema yang telah ditonton.

Kertas 3: Kefahaman Mendengar – 20 markah (20%)

Terdapat 10 soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ) dalam kertas ini. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan tujuh teks autentik pelbagai genre seperti iklan, dialog, laporan berita, cerpen dan lain-lain lagi. Empat daripada teks tersebut merupakan teks pendek (satu soalan bagi setiap teks pendek). Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

1203 BASIC MALAY GCE NORMAL (TECHNICAL) LEVEL SYLLABUS

4 JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (50 min)	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman <u>Bahagian A</u> Ujian Kloz	MCQ	5 (5)	10 (10%)	Perkataan yang diuji merupakan item-item bahasa.
	<u>Bahagian B</u> ▪ Kefahaman 1 ▪ Kefahaman 2	MCQ	5 (5)	10 (10%)	2 teks pendek*
		MCQ	2 (2)	4 (4%)	1 teks*
		Respons Bebas	2 (2)	6 (6%)	* Teks yang digunakan adalah berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, brosur, poster, risalah, menu dan lain-lain lagi.
Subtotal	-	14 (14)	30 (30%)	-	
2 (15 min)	Lisan <u>Bahagian A</u> Bacaan Lantang		1 (1)	20 (20%)	Calon dikehendaki membaca dengan lantang petikan karangan yang diberikan. Bacaan Lantang akan dirakam.
	<u>Bahagian B</u> Perbualan		1 (1)	30 (30%)	Calon dikehendaki menonton video pendek (55-60 saat) dan berbual dengan pemeriksa lisan berdasarkan tema video yang telah ditonton.
	Subtotal	-	2 (2)	50 (50%)	-
3 (lebih kurang 30 min)	Kefahaman Mendengar	MCQ	10 (10)	20 (20%)	7 petikan autentik termasuk 4 petikan pendek akan diberikan; 1 soalan bagi setiap petikan pendek.
	Subtotal	-	10 (10)	20 (20%)	-
Total		-	26 (26)	100 (100%)	-

RUBRIK PEMARKAHAN

1203 BASIC MALAY GCE NORMAL (TECHNICAL) LEVEL SYLLABUS

**PEPERIKSAAN GCE PERINGKAT NORMAL TEKNIKAL
BAHASA MELAYU ASAS (1203/2)
SKEMA PEMARKAHAN PEPERIKSAAN LISAN**

BACAAN LANTANG (20 markah)

Jalur		1	2	3	4
Julat Markah		9 – 10	6 – 8	3 – 5	1 – 2
Sebutan dan Pengucapan	10 markah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sebutan hampir sempurna ▪ pengucapan sangat jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sekali-sekala terdapat kesilapan dalam sebutan ▪ pengucapan jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sering kali terdapat kesilapan dalam sebutan ▪ pada keseluruhannya, pengucapan jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat banyak kesilapan yang ketara dalam sebutan ▪ pengucapan jarang sekali jelas
Kelancaran dan Kelajuan	10 markah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bacaan lancar, kelajuan bacaan baik ▪ rentak dan tekanan sesuai ▪ intonasi bervariasi dan sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bacaan lancar ▪ sekali-sekala terdapat kesilapan dalam rentak dan tekanan ▪ pada umumnya, intonasi bervariasi dan sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bacaan boleh dikatakan teragak-agak ▪ beberapa kesilapan dalam rentak dan tekanan ▪ sekali-sekala intonasi bervariasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bacaan teragak-agak ▪ sering kali terdapat kesilapan dalam rentak dan tekanan ▪ intonasi jarang sekali bervariasi